

## UNSUR ESTETIK DALAM SAJAK KARYA RAHMAN SHAARI

### AESTHETICAL ELEMENTS IN POEMS OF RAHMAN SHAARI

Rahayu Akhesah, Mohd Rosli Saludin, Ghazali Din  
Institut Peradaban Melayu  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
ayusisc@gmail.com

#### ABSTRAK

Rahman Shaari bergiat dalam bidang penulisan pelbagai buku dan rencana sastera bukanlah asing dalam kalangan penulis khususnya pengkarya sastera. Bahkan beliau merupakan seorang penyair, penulis bebas dan ahli akademik negara. Kajian bertajuk ‘Unsur Estetik Dalam Sajak Karya Rahman Shaari’ ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis unsur estetika dalam beberapa sajak terpilih Rahman Shaari. Kajian ini juga menerapkan Teori Stilistik bagi mengkaji tentang bahasa yang diterapkan dalam hasil karya sajak beliau. Metodologi kajian ini melibatkan penyelidikan kualitatif berdasarkan kajian teks. Karya beliau banyak menyentuh tentang tema alam, cinta, politik, setia kawan, patriotik, alam perkahwinan dan agama. Hasil kajian ini penting untuk mengapresiasi sumbangan karya Rahman Shaari dan berharap kajian ini menjadi pendorong untuk beliau terus menulis dalam dalam bidang puisi dan terus berjuang dalam menghasilkan karya dalam penghasilan sajak bahkan novel dan cerpen. Secara kesimpulannya, kajian ini dapat membuktikan sumbangan Rahman Shaari sangat penting dalam memartabatkan bidang puisi dan merupakan satu wadah untuk memastikan kesinambungan kesenian puisi dalam bidang kesusteraan Melayu dalam peradaban Melayu di seantero dunia.

**Kata kunci :** sajak, estetika, naratif, tokoh, apresiasi, memartabatkan.

#### ABSTRACT

*Rahman Shaari is active in the field of writing various books and literary articles and is well-known especially among the literary authors. He is a literati, poet, independent writer and academic scholar of the country. The study entitled ‘Unsur Estetik Dalam Sajak Karya Rahman Shaari’ is aimed at analyzing aesthetic elements in selected poems of Rahman Shaari. This study also applies Stilistic Theory to study the language applied in the works of his poem. The methodology of this study involves qualitative research based on text studies. His work is much touched on the theme of nature, love, politics, loyal friends, patriotic, marriage and religion. The results of this study are important so as to appreciate the contribution of Rahman Shaari’s work and hoping that this study will also be a driving force for him to continue writing in the field of poetry, novels, and short stories. In conclusion, this study has proven that Rahman Shaari’s contributions are important in the field of poetry and also as a means of ensuring the continuity of poetry in the Malay literature in Malay civilization throughout the world.*

**Keywords:** poems, aesthetic, narrative, figure, appreciation, uplifting.

#### PENGENALAN

Pada 12 Oktober 2007, sejarah tercipta apabila Rahman Shaari dinobatkan sebagai penerima S.E.A. Write Awards 2007 di Bangkok, Thailand. Beliau menerima anugerah sastera berprestij itu daripada Puteri Thailand, Sirivannavari Nariratana. Anugerah Penulis Asia Tenggara – Southeast Asian Writers Award atau ringkasnya S.E.A. Write Awards diperkenalkan oleh kerajaan Thailand sebagai menghargai sumbangan para penulis bidang kesusteraan di Asia Tenggara termasuk Malaysia. Kejayaan ini membuktikan hasil karya penyair Rahman Shaari adalah sebaris dengan nama-nama

besar penyair negara yang pernah memenangi anugerah yang sama seperti Usman Awang, A.Samad Said, Kemala dan ramai lagi.

Rahman Shaari atau nama sebenarnya Abdul Rahman bin Shaari dan dilahirkan pada 5 September 1949 merupakan tokoh sastera dan seorang penyair yang hebat. Beliau merupakan pejuang dalam dunia kesuasteraan Melayu. Beliau mula berkarya sejak tahun 1970, iaitu ketika beliau berkursus di Maktab Perguruan Sultan Idris. Karyanya tersiar dalam majalah maktab tersebut. Tarikh keramat April 1971, membawa sinar baharu apabila sajak beliau tersiar dalam Dewan Sastera berjudul '*Buka Bicara*'. Kejayaan beliau semakin menyerlah apabila pada bulan seterusnya dalam Dewan Sastera keluaran Mei 1971 memuatkan kupasan daripada seorang penyair terkenal iaitu Dharmawijaya. Dharmawijaya berpesan "...semoga Rahman Shaari tidak akan menutup bicara setelah karyanya tersiar". Kata-kata inilah yang telah memberi pendorong untuk Rahman Shaari berjuang dalam bidang puisi (2006, ms. xiii).

Selepas itu, pada tahun-tahun berikutnya, beliau sering memenangi pelbagai peraduan dalam bidang sajak. Antaranya pada tahun 1975, beliau memenangi Peraduan Menulis Sajak UKM bertajuk '*Hari-Hari Tak Pernah Panjang*'. Pada tahun 1976, puisi beliau berjudul '*Hamparan Kuning*' dan '*Giliran*' memenangi Hadiah Karya Sastera. Manakala pada tahun 1977, beliau memenangi hadiah pertama Sayembara Esei/Kritikan Sastera anjuran DBP. Dalam dekad 1980-an Rahman Shaari juga pernah memenangi Hadiah Sastera Malaysia iaitu pada tahun 1982/1983 dan 1986/1987 (2007, ms.8). Kejayaan demi kejayaan yang diperoleh oleh tokoh Rahman Shaari dalam penulisan sajak merupakan tanda kejayaannya dalam bidang kesuasteraan.

Kegemilangan beliau dalam bidang puisi ini berjaya menghasilkan lapan buah kumpulan puisi, iaitu '*Hamparan Kuning*' (1976), '*Kesan Kunjungan*' (1982), '*Serpihan Diri*' (1987), '*Selamat Pagi Fajar*' (1989), '*Melati dan Bahang*' (1994) '*Anjung Deklamator*' (2005), '*Anjung Persinggahan*' (2006), dan terbaharu '*Penunggang Kenyataan*' (2015). Sajak bertajuk '*Harga Remaja*' turut dijadikan tajuk buku teks sastera tingkatan 4 pada tahun 2010-2014.

Oleh itu, kajian ini sangat signifikan bagi mengetengahkan ketokohan beliau terutama dalam sajak-sajak beliau dan kajian ini berfokus kepada unsur-unsur estetika yang terdapat dalam sajak beliau. Oleh itu, sekali gus, dapat memperlihatkan beliau sebagai seorang penyair tanah air yang berkaliber dengan gaya tersendiri.

## **PEMASALAHAN KAJIAN**

Rahman Shaari masih lagi aktif dalam bidang perpuisian. Ini jelas menunjukkan kecintaannya dalam bidang puisi tiada penghujungnya. Usaha dan minat yang mendalam beliau terhadap bidang puisi perlu mendapat apresiasi yang sewajarnya daripada anak bangsa. Isu-isu inilah yang mendorong pengkaji untuk mengkaji sajak-sajak beliau agar sumbangan beliau tidak hilang di arus zaman. Namun, kajian ini memfokuskan kepada unsur-unsur estetik dalam sajak karya Rahman Shaari seterusnya menilai bahasa yang menghiasi sajak Rahman Shaari yang terpilih bersandarkan kepada teori Stistik.

Kehebatan Rahman Shaari dalam bidang puisi juga tidak boleh dipertikaikan lagi. Ramai cendekiawan yang menulis tentang karyanya dalam buku-buku sastera. Mana Sikana dalam bukunya '*Puisi Malaysia*', turut membariskan Rahman Shaari dengan nama-nama besar penyair antaranya Muhammad Haji Salleh, Baha Zain, Latif Mohidin, A.Ghafar Ibrahim dan Noor S.M. sebagai mereka yang berkaliber dalam bidang perpuisian (1987, ms.viii). Namun, kajian mengenai Rahman Shaari secara ilmiah di peringkat ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan peringkat doktor falsafah masih belum ada yang mengkajinya, ini mendorong pengkaji untuk mengkaji segenap segi dalam puisi beliau.

Rahman Shaari biarpun selalu sinis dalam melahirkan karyanya beliau sering melontarkan pemikiran-pemikiran di samping penyair yang sezaman dengannya seperti Zurinah Hassan, Siti Zainon dan lain-lain lagi (Mana Sikana,1987,ms.viii). Namun, disebalik sajak-sajak beliau yang bercorak sinis itu, sajak beliau turut menghimpunkan permainan bahasa dan pemilihan diksi yang cukup indah, puitis, dan cukup ampuh. Gaya bahasa yang digunakan sungguh simbolik dan metaforikal. Unsur estetik ini akan diperinci dalam kajian ini.

Mohd Yahya Mohamed Ariffin dalam Utusan Malaysia bertarikh 29 Oktober 2007 bertajuk ‘*Angkat Martabat Pemuisi*’ turut berpendapat bahawa kejayaan Rahman Shaari menerima anugerah S.E.A Write Awards itu tidak hanya menaikkan bidang sastera malah melonjakkan profesion akademik negara ini khususnya Universiti Malaya (UM) yang mana beliau adalah ahli akademik UM kedua yang menerimanya selepas A.Wahab Ali.

Selain itu, A.Halim Ali dalam bukunya ‘*Memahami Puisi Melayu Tradisional*’ turut mengupas tentang Rahman Shaari yang lebih cenderung kepada puisi Melayu Moden. Menurutnya lagi, Rahman Shaari telah membahagikan sajak kepada dua jenis iaitu sajak bebas (*free verse*) iaitu sajak yang tidak terikat dengan sebarang bentuk tertentu dan sajak konkret (*concrete verse*) iaitu sajak yang mementingkan aspek penglihatan. Sajak berdiri sebagai rantangan dan dahan puisi, manakala puisi pula berasal dari perdu sastera (2013, ms.18).

Oleh yang demikian, hasil penulisan karya puisi Rahman Shaari mempunyai nilai estetik yang tersendiri setaraf dengan nama-nama besar sasterawan negara seperti A. Samad Said, Baha Zain, Usman Awang, Kemala dan ramai lagi tokoh sastera negara. Kajian ini wajar dilaksanakan memandangkan sumbangan beliau dalam bidang puisi perlu mendapat apresiasi yang sewajarnya dalam kalangan masyarakat dan negara ini.

Sumbangan Rahman Shaari perlu kita julang ke kedudukan yang tinggi dan tidak boleh dipandang remeh. Sebagai pengkaji adalah menjadi tanggungjawab ini untuk mengetengahkan hasil karya beliau dan selayaknya pengkaji mengambil inisiatif untuk mengkaji karya beliau terhadap puisi ciptaaninya. Penghasilan karya sajaknya mempunyai nilai estetik dalam mendidik, menegur, menasihati, dan mengkritik masyarakat, para remaja dan para pemimpin melalui sajak yang puitis, penuh berhemah dan penuh perlambangan seperti peribahasa Melayu ‘*mata pena lebih tajam dari mata pedang*’. Seterusnya, kajian ini juga akan membuka lembaran kepada pengkaji yang lain untuk terus mengkaji sumbangan beliau dalam aspek yang lain.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk memartabatkan hasil karya Rahman Shaari. Sumbangannya dalam bidang puisi dan sastera bukanlah sedikit dan tidak ternilai harganya. Hasil karya beliau melambangkan jiwa beliau yang begitu mencintai bidang puisi. Menurut Mohd Rosli Saladin, biarpun pada lahirnya sebuah puisi itu terdiri daripada huruf-huruf, kata-kata tetapi pada hakikatnya ia mempunyai semacam daya hikmat yang memberi kepuasan perasaan, fikiran, dan jiwa kita yang membaca dan mendeklamasi puisi tersebut (2005, ms.172). Oleh itu, diharapkan usaha ini dapat memberi apresiasi yang sewajarnya terhadap karya Rahman Shaari. Sekali gus, dengan adanya apresiasi karya puisi seperti ini akan dapat menarik minat generasi muda untuk berkecimpung dalam bidang puisi yang merupakan warisan peradaban bangsa.

Perkataan *aesthetics* berasal daripada dua perkataan Greek –aisthetikos yang bermaksud tanggapan menerusi perasaan dan juga *aisthanesthai* yang membawa maksud menanggapi atau merasai (webster’s Collegiate Dictionasry, 1948, ms.18). Bahasa Melayu turut diperindah dengan adanya puisi, pepatah atau peribahasa yang menggambarkan tingkahlaku manusia. Ia dizahirkan dengan gaya bahasa yang berbunga-bunga, berlapik dan penuh dengan sopan santun. Jika dahulu dalam adat istiadat orang Melayu pasti gemersik puisi diutarakan sama ada pantun, gurindam, sajak dan sebagainya dalam merisik, meminang, adat perkahwinan malah dalam bahasa perbualan sehari-hari. Oleh itu, wajarlah puisi sama ada pantun, sajak, gurindam, seloka perlu kajian yang berterusan.

Dalam sesebuah karya sastera yang berestetika juga mengajar kita menyelesaikan masalah yang kita hadapi. Rasa keindahan juga berkait rapat dengan kemampuan sesebuah teks itu menimbulkan perasaan seperti gembira, simpati, marah, terharu, dan sebagainya. Karya itu juga dapat melahirkan rasa geram, dengki, cemburu dan sebagainya. Pengarang dengan bijaksana berketrampilan mempermainkan imaginasi bagi menghidupkan dunia realiti, fantasi, magis dan seumpamanya (Manu Sikana, 2015, ms.83)

## OBJEKTIF

1. Mengkaji unsur estetik sajak karya Rahman Shaari.
2. Menganalisis bahasa yang diterapkan dalam karya sajak Rahman Shaari.

## METODOLOGI

Kajian menggunakan kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan meliputi pembacaan puisi terhadap sampel kajian iaitu dua buah buku kumpulan puisi Rahman Shaari iaitu ‘*Anjung Deklamator*’ dan ‘*Anjung Persinggahan*’. Beberapa buah sajak terpilih akan dikaji dan melihat unsur estetik puisi yang dihasilkan. Sajak yang dipilih berdasarkan gaya bahasa dengan pemilihan diksi dalam sajak, puitis dan tema yang jelas. Gaya bahasa ini pula akan bersandarkan Teori Stilistik. Hal ini demikian, akan melihat nilai estetik dalam setiap karya sajak Rahman Shaari secara lebih terperinci.

Teori Stilistik yang diterapkan dapat menilai secara lebih berfokus terhadap unsur-unsur estetika dalam sajak beliau yang terpilih. Dengan kajian yang berfokus ini maka sajak yang dihasilkan akan dapat dinilai secara lebih ilmiah dan menyerlahkan kesenian Rahman Shaari dalam bidang puisi atau sajak yang dihasilkan.

Kaedah menganalisis data berdasarkan teori Stilistik ini juga menggariskan ke enam-enam prinsip kajian Stilistik iaitu:-

- a. penggunaan bunyi dan fonologi
- b. diksi dari sudut pendeklasifikasianya
- c. struktur sintaksis
- d. aspek semantik
- e. dramatik
- f. gaya individualisme

## DAPATAN KAJIAN

Kajian tentang unsur-unsur estetik dalam sajak Rahman Shaari ini merupakan inisiatif untuk meneliti setiap diksi sajak yang dihasilkan dalam beberapa puisi yang terkandung dalam kumpulan puisi ‘*Anjung Persinggahan*’ dan ‘*Anjung Deklamator*’ dengan mengaplikasikan teori Stilistik dengan mengaplikasikan enam prinsip yang terdapat dalam teori ini. Gaya bahasa dalam setiap dimensi bahasa sama ada pemilihan sintaksis, diksi, makna dan sebagainya dikaji untuk mendapatkan stail. Sajak ini seringkali mendeklamasi sajak secara dikon iaitu mendeklamasi sajak dan melakonkan maksud sajak berkenaan pada masa yang sama (2014, ms.65).

Sajak pertama terpilih daripada kumpulan puisi ‘*Anjung Persinggahan*’ iaitu membicarakan tentang sajak bertajuk ‘*Di Dasar Puisi*’ hasil cetusan idea Rahman Shaari pada tahun 1980. Kita selami sajak beliau seperti berikut:-

*Di dasar puisi  
Ada rangka peribadi  
Ada nafas cinta sejati  
Dan ada sepi*

*Puisi bukan segala  
Di dindingnya sesekali tergantung  
Rasa bangga  
Di lantainya sewaktu-waktu terhampar diam  
Sehelai kebosanan  
Puisi bukan segala*

*Bagaimanakah akan kusebut  
Rasa yang sering pecah*

*Atau cinta murah  
Bagaimanakah akan kusambut  
Nista daripada anjung amarah?*

*Di dasar puisi  
Rasa keras telah menepi  
Terimalah sepotong diri*

Rahman Shaari mengharmonikan penulisan sajak sebagai medan luahan rasa hati. Dalam diri seseorang manusia yang mempunyai pelbagai perasaan, sebuah cinta yang sejati, perasaan sepi, rasa bangga diri, rasa bosan, cinta yang tidak dihargai, perasaan amarah yang mungkin juga dilalui oleh penyair sendiri. Oleh itu, medan puisi dijadikan tempat luahan seribu rasa itu walaupun puisi tidak dapat berbuat apa-apa. Lihat sahaja rangkap dua sajak ini, jelas menuntut tafsiran khalayak tentang coretan sesebuah puisi yang boleh menggambarkan pelbagai perasaan sama ada rasa bangga, rasa bosan dan segalanya. Walaupun sajak ini mempunyai makna yang tersirat bagi memenuhi naluri karya penyair namun sajak ini mempunyai nilai estetik yang mana penyair menjadikan puisi melahirkan perasaan sedih, gembira, marah dan sebagainya.

Berdasarkan teori Stilistik penggunaan struktur sintaksis dalam sajak ini memberi penekanan terhadap aspek deviasi yang berkesan. Contohnya:

*bagaimanakah akan kusebut  
rasa yang sering pecah  
atau cinta murah  
bagaimanakah akan kusambut  
nista daripada anjung amarah?*

Penyair menyesuaikan daksi sajak dengan situasi. Aspek deviasi yang dilakukan gaya bahasa yang menarik dan pemilihan dalam sajak ini sangat indah dari misalnya struktur sintaksis ‘*dilantainya sekawtu-waktu terhampar diam*’, ‘*sehelai kebosanan*’, ‘*nista dalam anjung amarah*’. Sajak ini turut menggunakan penjodoh bilangan yang salah namun pengarang sengaja menggunakan bagi menimbulkan unsur estetik dalam sajaknya. Pemilihan perkataan dan penyusunan ayat dalam sajak juga memberi makna yang tersirat. Dalam Stilistik, aspek ambiguiti ini perlu dipecahkan maknanya kerana karya yang bercorak abstrak perlu penelitian yang terperinci untuk menghuraikan maknanya.

Sajak kedua yang terpilih daripada sumber ‘*Anjung Persinggahan*’ adalah sajak ‘*Di Makam Habib*’ yang telah dihasilkan pada tahun 1983.

*Masih berlangsung  
Resah bangsaku  
Di negeri maju*

*Si tua dengan wajah murung  
Diiringi gadis sunti  
Menabur beras untuk burung  
Alangkah berbudi mereka  
Jika kemanusiaan mendasari laku*

*Tapi alangkah malangnya  
Kemahuan keras  
Di sebalik taburan beras  
Di hati bertakhta habib  
Si tua dan gadis  
Berkhurafat di makan habib*

*Remaja berpegangan  
Membawa pisang hasrat  
Melangkahi bendul makam habib  
Dengan langkah cermat*

*Berlangsung resah bangsaku  
Remaja berkhurafat  
Nyaring azan masjid  
Meningkahi nyaring risauku  
Melihat kelangsungan sikit  
Di Makam Habib*

Sajak ini memberi kesan yang mendalam dalam sanubari apabila membacanya dengan penghayatan yang tinggi. Sajak ini mengisahkan dalam dunia yang serba moden ini masih ada manusia yang masih mempercayai aktiviti khurafat. Penyair menceritakan kerisauannya terhadap sikap segelintir manusia yang menyimpang daripada nilai agama. Sajak ini lebih berbentuk naratif yang menceritakan secebis kisah masyarakat yang mempercayai perkara-perkara khurafat. Biarpun sajak ini menjurus kepada makna dan tidak banyak berunsur simbolik dan metaforikal. Namun, sajak ini masih mempunyai unsur estetik yang tersendiri. Dalam pengertian estetik itu sendiri meliputi makna keindahan pengalaman yang bergantung kepada keunikan pengalaman sama ada mendatangkan kesan yang menarik, mengagumkan, menyedihihan atau memeranjatkan. Apabila menghayati sajak ini, maka pasti di sanubari kita tersimpan perasaan sedih atas apa yang terjadi terhadap segelintir masyarakat yang masih mengamalkan amalan khurafat dalam mengharungi kelangsungan hidup mereka. Inilah terletaknya unsur estetik dalam sesebuah sajak itu.

Berdasarkan teori Stilistik, sajak ini mempunyai unsur-unsur dramatik. Keindahan sajak ini bergantung kepada pemilihan dixi sajak bagi menggambarkan adegan dramatik aktiviti khurafat berlangsung seperti contoh rangkap sajak ini:-

*Tapi alangkah malangnya  
Kemahuan keras  
Di sebalik taburan beras  
Di hati bertakhta habib  
Si tua dan gadis  
Berkhurafat di makan habib*

Inilah ritual kejadian khurafat yang digambarkan melalui sajak Rahman Shaari yang mana bertepatan dengan teori Stilistik unsur dramatik diterapkan bagi menimbulkan kekuatan dan keindahan dalam sesebuah karya.

Sajak ketiga bertajuk ‘*Sengsara*’ dihasilkan sekitar tahun 1988 dalam kumpulan puisi ‘*Anjung Persinggahan*’:

*Selamat datang, Sengsara  
Masuklah  
Kau barangkali dari neraka*

*Selamat datang sengsara  
Di sini pasti ada dosa  
Kerana hanya pemilik dosa  
Akan dikunjungi sengsara*

*Selamat datang sengsara  
Kutahu  
Kau mengintipku sejak dahulu  
Kuterima hadirmu  
Berikan kepadaku senyuman tajam  
Sebelum kita bersalaman*

*Tak teratur tapakku  
Di atas garis kewajaran  
Tak terundur langkah lalu  
Gelisah ini bayaran*

*Tak terpenuh akalku  
Dengan sinaran intan ajaran  
Tak tersuluh kamar kalbu  
Ini rumah kepalsuan  
Sengsara  
Duduklah didepanku  
Kuterima hadirmu  
Di garis kewajaran*

Dalam sajak ini membincangkan ‘*sengsara*’ yang sentiasa mengejar manusia namun hanya manusia yang berdosa akan memiliki ‘*sengsara*’. Jika diteliti sepintar lalu seolah-olah sajak ini menceritakan diri penyair yang dicengkam ‘*sengsara*’ berdasarkan rangkap kedua sajak ini iaitu:

*Selamat datang sengsara  
Kutahu  
Kau mengintipku sejak dahulu  
Kuterima hadirmu  
Berikan kepadaku senyuman tajam  
Sebelum kita bersalaman*

Namun, naluri karya ini apabila dibaca secara terperinci sebenarnya sajak ini membawa maksud yang sangat mendalam. Penyair menceritakan ‘*sengsara*’ itu sentiasa ‘mengejar’ manusia yang sering melakukan dosa. Manusia seperti ini akan sentiasa hidup dalam kegelisahan. Ini merupakan unsur estetika sajak nukilan Rahman Shaari yang mana sajak ini mempunyai kekuatan bahasa simbolik contohnya pemilihan perkataan ‘*selamat datang sengsara*’, ‘*kutahu kau mengintipku sejak dahulu*’ seolah-olah ‘*sengsara*’ itu adalah suatu watak. Selain itu, beliau mengaplikasikan beberapa perkataan simbolik lain seperti ‘*intan ajaran*’, ‘*kamar kalbu*’ dan ‘*sengsara duduklah didepanku*’. Walaupun, sajak ini bercorak konfesional namun unsur estetik sangat jelas dalam setiap pemilihan diksi dalam bait sajak. Menurut Rahman Shaari, sajak konfesional ialah sajak yang menyatakan permasalahan yang kelihatannya seperti masalah dosa penyair, atau masalah yang bertolak daripada kelemahan penyair. Sebenarnya, itu ialah teknik dan dari segi kajian, permasalahan yang hadir hendaklah dianggap protagonis yang tidak semestinya penyair (2005, ms.47). Dalam sajak ‘*sengsara*’ khalayak perlu memahami secara jelas akan maksud sajak ini.

Unsur-unsur simbolik dan ambiguiti dalam sajak ini menjurus kepada teori Stilistik dalam kajian terhadap makna atau semantik. Dengan analisis yang terperinci dan melihat secara tersurat dan tersirat maka khalayak pasti akan dapat mengesan mesej yang ingin disampaikan oleh penyair terutama dari segi pemilihan perkataan dan penyusunan ayat serta penceritaan dalam sajak yang akhirnya khalayak menemui makna.

Akhirnya, hayati sajak bertajuk ‘*Milah Anak Maksum*’ hasil cetusan idea Rahman Shaari pada tahun 1988 yang termuat dalam kumpulan puisi ‘*Anjung Deklamator*’:

*Aku tiba waktu senja  
Pintu rumah tertutup  
Anak kucing di atas tangga  
Kumatikan bising motosikalku  
Tanpa memanggil pintu rumah terbuka  
Maksum seperti biasa  
Tangan kanan memegang pintu  
Tangan kiri menggaru kepala  
Aku pun bertanya ‘Maksum, Milah ada rumah?’  
“Milah tak ada”, jawab Maksum  
“Milah ke mana?”  
“dia keluar dengan lakinya”  
“Dengan lakinya?, Bilakah Milah menikah*

*Kukatakan padanya Tuhan  
perkasa dan berkuasa  
dia bertanya lagi  
Aku segera mengerti  
“Kenapa Tuhan tidak memulas kepala Milah?  
‘Aku ingin melihat Milah berjalan  
dengan punggung di depan,  
Yang depan jadi belakang’  
Lukaku ini dipukul Milah  
Dia anak yang tidak senang,  
melihat aku riang  
Menari menyanyi di rumah orang’.  
Aku segera mengerti*

“Menikah belum,” Maksum tersenyum  
Tangan kiri tidak di kepala  
Maksum menyanyi dan menari  
“Milah anak Maksum, Ada laki menikah belum”  
“Milah anak Maksum, ada laki menikah belum”  
“Milah anak Maksum, ada laki menikah belum”  
  
Kuperihat seluruh Maksum  
tangannya luka-luka  
Pakaianya tidak terjaga  
bila kusebut nama suaminya  
berubahlah suara dan wajah itu  
Sepertinya matinya Pak Hamid baru pagi tadi  
Kutanya tangannya kenapa luka  
dia bertanya kembali:  
Benarkah tuhan itu kuat?

‘Maksum jangan bimbang,’ kataku  
“Milah Anak derhaka, tempatnya dalam kawah  
Di bawahnya api ganas  
  
“Milah akan menjerit panas, memanggil tuhan  
Memanggil Maksum ‘Tuhan tolong’, ‘emak tolong’  
“takkan kutolong, takkan ku tolong,’ kata Maksum  
‘Milah direbus macam jagung’  
Tapi, bila aku mahu pulang  
Hidupkan enjin motor burukku  
Maksum menangis lagi, “Nanti,” katanya  
“Khabarkan kepada Tuhan, jangan rebus Milah  
Dia anak Maksum,”

Penyair turut mencipta sajak yang menyentuh tentang kasih seorang ibu. Beliau peka dengan selingkar kisah duka nestapa dalam sebuah keluarga. Sajak ini mengandungi unsur-unsur estetik tersendiri walaupun menceritakan tentang anak yang derhaka namun ironinya penyair dapat menimbulkan satu aura keindahan rasa kasih sayang seorang ibu yang tulus terhadap anaknya ‘Milah’. Inilah unsur estetik dalam sajak Rahman Shaari dengan menerapkan teori Stilistik iaitu unsur-unsur bahasa dramatik. Setiap struktur sintaksis dalam sajak menunjukkan aspek naratif yang bercirikan unsur dramatik. Beliau menimbulkan isu masyarakat masa kini yang kian hilang nilai perikemanusiaannya walaupun dengan ibu sendiri. Unsur estetik dalam sajak ini bukanlah ditonjolkan dengan aspek keindahan berlandaskan perasaan gembira tetapi perasaan sedih yang menyelubungi watak ‘Mak Som’ iaitu ibu kandung ‘Milah’ yang menonjolkan sebuah kisah humanis dan moralis.

Selain itu, dalam prinsip Stilistik juga, aspek makna dan semantik ditekankan terutama dalam pemilihan kata, taburan bunyi, dan penyusunan ayat yang menjurus kepada mendapatkan makna sajak tersebut seperti:-

“Milah tak ada”, jawab Maksum  
“Milah ke mana?”  
“dia keluar dengan lakinya”  
“Dengan lakinya?, Bilakah Milah menikah  
“Menikah belum,” Maksum tersenyum  
Tangan kiri tidak di kepala  
Maksum menyanyi dan menari  
“Milah anak Maksum, Ada laki menikah belum”  
“Milah anak Maksum, ada laki menikah belum”

Rangkap ini menunjukkan sikap ‘Milah’ persis seorang anak yang tidak beradab dan tidak mematuhi nilai agama yang sebenar. Tingkahnya sangat memalukan apabila dia lari dari rumah mengikut lelaki lain tanpa adanya ikatan perkahwinan yang sah. Manakala, struktur sintaksis dalam rangkap sajak seterusnya memberi makna yang jelas tentang sikap ‘Mak Som’ walaupun dia tidak siuman namun masih menyayangi ‘Milah’ kerana ‘Milah’ adalah anaknya sendiri. Pengulangan sintaksis ‘Milah anak Maksum, Ada laki menikah belum’ jelas menunjukkan keruntuhan moral anak-anak muda yang berlaku kini dan wajar dibendung dalam sesebuah institusi kekeluargaan.

“Milah akan menjerit panas, memanggil tuhan  
Memanggil Maksum ‘Tuhan tolong’, ‘emak tolong’  
“takkan kutolong, takkan ku tolong,’ kata Maksum  
‘Milah direbus macam jagung’  
Tapi, bila aku mahu pulang  
Hidupkan enjin motor burukku

*Maksum menangis lagi, "Nanti," katanya  
"Khabarkan kepada Tuhan, jangan rebus Milah  
Dia anak Maksum,"*

Begitu indahnya sajak ini yang memberi kesan yang mendalam terhadap pembaca. Gaya bahasa yang dramatik ini menunjukkan karya Rahman Shaari semakin menyerlah gaya individualismenya.

Kesimpulannya, terdapat unsur-unsur estetika dalam hasil karya sajak Rahman Shaari yang terpilih ini dengan gayanya yang tersendiri. Kajian ini diperteguh dengan teori Stilistik yang sangat signifikan diterapkan dalam kajian ini. Melalui teori ini beberapa prinsip Stilistik telah diterapkan sehingga dapatlah diyakini bahawa Rahman Shaari berjaya membina gaya individualisme dalam hasil karya sajaknya.

## PERBINCANGAN

Teori Stilistik sangat signifikan diterapkan dalam kajian ini, melalui teori ini dapatlah diyakini bahawa Rahman Shaari berjaya membina dan menghasilkan karya dengan gaya bahasa yang tersendiri. Sajak beliau mempunyai unsur-unsur diksi, sintaksis, semantik dan unsur dramatik yang menemukan gaya individualisme bagi membina stail peribadinya. Sebuah puisi yang indah yang mempunyai nilai estetika yang dapat menarik hati pembaca dan seterusnya menusuk ke sanubari dan boleh melahirkan perasaan sedih, gembira, marah dan sebagainya.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menemukan unsur estetika dalam karya sajak Rahman Shaari dalam bidang perpuisian melalui dua buah kumpulan puisi beliau iaitu '*Anjung Persinggahan*' dan '*Anjung Deklamator*'. Namun, corak penulisan sajak Rahman Shaari semakin terserlah apabila beliau berani mengorak langkah dengan mengkritik secara berseni dalam sajaknya untuk menyampaikan kepincangan yang berlaku pada ketua organisasi atau negara, pemimpin, dunia politik, dan masyarakat. Beliau juga cenderung kepada aspek naratif yang mana menurut Muhammad Haji Salleh dalam '*Seminar Kebangsaan Puisi Melayu Tradisional*' (2008,ms.10) naratif sering digunakan dalam puisi sebagai alat pengisahannya, kita sedar betapa syair-syair terkenal menggunakanannya dan berjaya pula.

Selain itu, A. Halim Ali (2013, ms.124) menyatakan semua aspek kepengarangan baik gaya bahasa, teknik pengolahan, sumbangan, penghasilan dan sebagainya akan menjadi indikator untuk menentukan posisi pengarang. Sebagaimana kata Wellek, tiada satu pun karya yang unik dan pengarang yang mengejar individualiti akan menemui kesulitan. Namun, teori Stilistik dapat telah dapat membuktikan adanya unsur keindahan atau nilai estetika sajak Rahman Shaari.

Justeru, membicarakan hasil karya sajak penyair Rahman Shaari, beliau semakin mengorak langkah memperlihat sifat keberanian dalam penulisan puisi yang sangat penting. Beliau kian membina gaya individualismenya dalam berkarya dengan gaya bahasa indah dan diselitkan unsur sinis yang menjadikan sajak beliau ada nilai estetika yang tersendiri yang hanya dapat difahami oleh pencinta sajak. Beliau turut menggarapkan konsep naratif dan dramatik agar sajak beliau lebih menarik untuk mendidik khalayak. Setiap karya yang dihasilkan mencerminkan kematangan sehinggalah beliau diiktiraf di peringkat antarabangsa dan menerima anugerah S.E.A Write Awards atau anugerah Penulis Asia Tenggara pada tahun 2007.

## KESIMPULAN

Kajian ini berhasil mengkaji unsur estetik sajak-sajak Rahman Shaari yang terpilih dan dapat menganalisis bahasa yang diterapkan dalam karya sajak Rahman Shaari. Dengan menerapkan teori Stilistik yang sangat bertepatan dengan kajian bahasa. Rahman Shaari sememangnya tokoh yang perlu mendapat apresiasi daripada ramai pengkaji dalam kalangan ahli ilmiah agar hasil karya beliau dapat diletakkan ditahap yang terhebat sebaris dengan nama-nama besar sasterawan lain seperti Usman Awang, A.Samad Said, Baha Zain, Shahnon Ahmad, Kemala dan sebagainya. Sementelah, karya

sajaknya juga mempunyai nilai estetik dan kepengarangannya menyerlahkan gaya individualismenya dalam berpuisi.

Kesimpulannya, kajian ini dapat membuktikan unsur estetik dalam hasil karya sajak Rahman Shaari dari aspek gaya bahasa berasaskan prinsip yang terdapat dalam teori Stilistik. Sajak-sajak beliau yang lebih cenderung kepada sajak-sajak bersifat naratif, konfesional dan sinis menjadikan munculnya kepelbagaiannya unsur estetik dalam setiap sajaknya. Justeru, penyair yang menerima anugerah S.E.A Write Awards pada tahun 2007 tidak dapat dinafikan kehebatannya dalam bidang puisi. Sementelahan lagi, lebih 30 tahun beliau menggembungkan tenaga menghasilkan sajak-sajak yang puitis, indah dan menarik. Oleh itu, selayaknya karya beliau dimartabatkan oleh para pengkaji. Sajak beliau juga dapat menyentuh sanubari kita dan membuatkan kita berfikir sejenak apabila membacanya. Dengan demikian, kajian ini dapat membuktikan terdapat unsur estetik dalam sajak terpilih Rahman Shaari.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Ali, Azhar Hj Wahid. (2005). *Penghayatan Kesusastraan Melayu Modern*: UPSI.
- Abdul Halim Ali. (2013). *Memahami Puisi Melayu Tradisional*: Budiman.
- Abdul Halim Ali. (2013). *Pengantar Teori & Kritikan Sastera: Barat dan Malaysia*: Budiman
- Desi Sri Cahyani. (2015). *Sindiran Sebagai Penegas Kritik Sosial Terhadap Kebobrokan Moral: Tinjauan Semiotik dan Stilistik terhadap Antologi Puisi Sosial 51 Penyair Pilihan*, Bangga Aku Jadi Rakyat Indonesia.
- Khairudin Mohamad, Wan Zaliha Wan Othman, Amanah Mohd Noor. (2014). *Genre Kesusastraan Melayu Dalam Bahasa Melayu*: Penerbitan Multi Media Sdn Bhd.
- Mana Sikana. (1997). *Pembangunan Seni & Sastera*: Jabatan Persuratan Melayu.
- Mana Sikana. (2006). *Kritikan Sastera Melayu Modern*. Pustaka Karya.
- Mana Sikana (2015). *Koleksi Teori Sastera*: Pustaka Karya.
- Mohd Rosli Saludin (2013). *Puisi Melayu Tradisional*: Jurnal Peradaban Melayu Jil (8), 1-13.
- Mohd Yahya Mohamed Ariffin (2007, Oktober 29). Angkat Martabat Pemuisi. *Utusan Online*. Diperoleh daripada:  
[http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1029&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=e\\_06.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1029&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=e_06.htm)
- Muhammad Haji Salleh. (2008). *Seminar Kebangsaan Puisi Melayu Tradisional*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan*: Mc Graw Hill Education.
- Rahman Shaari. (2006). *Anjung Persinggahan*: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Rahman Shaari. (2008). *Anjung Deklamator*: Pekan Ilmu Publication
- Rahman Shaari. (2005). *Kemantapan Puisi Melayu Modern: Satu Tinjauan*: Pekan Ilmu Publication Sdn Bhd
- Rahman Shaari. (2007). *Rahman Shaari penerima Anugerah Sea Write Awards 2007*: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2003) *Teori dan Kritikan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal ,tesis)*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributors.